



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **PENANGGUHAN PEMBUKAAN PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) MOBILE TEAM OKU DI PUSAT LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN PEMULIHAN (PLPP) BANGI, SELANGOR**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin memaklumkan bahawa Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mobile Team OKU di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor yang dijadualkan akan dilaksanakan pada 21 Jun 2021 akan **DITANGGUHKAN** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Penangguhan ini dilakukan selepas perbincangan lanjut yang telah diadakan bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berikutan terdapat jangkitan kes COVID-19 di kawasan yang berhampiran dengan PPV Mobile Team OKU tersebut. Walaupun agak terkilan, tetapi penangguhan ini demi menjamin keselamatan dan mengelak risiko jangkitan.

Justeru, sebarang permasalahan dan bantuan lanjut yang diperlukan, sila hubungi Talian Kasih 15999 dan talian WhatsApp 019-2615999 yang beroperasi 24 jam sehari.

**#Lindung Diri, Lindung Semua**

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**19 Jun 2021**